BULETTIN B.PERJASA

BULETIN PERSATUAN JURUANALISA SISTEM SEKTOR AWAM

PERCUMA UNTUK AHLI

BIL 1/2019

Topik Menarik

PERJASA

PERSATUAN JURUANALISA SISTEM SEKTOR AWAM MALAYSIA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Isi Kandungan

Perutusan Presiden

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Penyayang.

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi di atas kelahiran semua Buletin PERJASA setelah kali terakhir PERJASA menerbitkan majalah adalah kira-kira 20 tahun yang lalu dengan nama JAS News.

Saya mengucapkan tahniah kepada barisan editorial dan juga ahli PERJASA yang sudi menyumbangkan artikel untuk B PERJASA ini. Saya berharap ia akan me wadah perkongsian ilmu dikalangan teknologi maklumat.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan dan Selamat Menyambut Ai kepada semua umat Islam. Semoga beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Ahmad bin Osman
Presiden PERJASA 2017-2019



Dari Meja Editor

Alhamdulilah syukur ke hadrat Illahi, akhirnya Buletin PERJASA edisi yang pertama ini dapat diterbitkan.

Edisi yang julung kali ini menampilkan perkongsian yang hebat dan menarik oleh ahli-ahli PERJASA dan juga warga Skim Perkhidmatan Teknologi Maklumat Sektor Awam. Antara topik-topik perkongsian adalah yang berkaitan dengan *indexing* pangkalan data, kejuruteraan sosial, email pedaya, *Malaysia Geospatial Online Services* (MyGOS), komuniti sumber terbuka, rangka kerja polisi teknologi maklumat dan juga laporan aktiviti PERJASA.

Semoga semua perkongsian ini menjadi manfaat kepada semua pembaca.

Kami di sidang editorial sangat menghargai sumbangan artikel oleh semua pihak. Kami juga berharap di keluaran akan datang, lebih banyak artikel yang lebih berkualiti dapat diterbitkan.

Ts. Mohd Naim Mohd Ibrahim
Ketua Editor Buletin PERJASA

Sidang Redaksi

Ketua Editor
Ts. Mohd Naim Mohd Ibrahim

Editor
Puan Felicia Chua Swee Suan
Puan Wan Amishah binti Wan Mahmud
Dr. Sheila Mahalingam
Ts. Adi Azlan bin Mohd Ali

Jawatankuasa PERJASA

Senarai AhliJawatankuasa Sesi 2017-2019
Pengerusi : Tuan Haji Ahmad bin Osman (MAMPU)
Timb Pengerusi : Dr. Nor'Ashikin binti Ujang (JPA)
Setiausaha : Puan Felicia Chua Swee Suan (MAMPU)
Penolong Setiausaha : Puan Razita binti Omar (JPA)
Bendahari : Cik Hazliana bt Talha (Bahagian Istiadat, JPM)
AJK :
Ts. Dr. Jayaletchumi T.S.Moorthy (INTAN)
Encik Luqman bin Subki (MKN)
Ts. Mohd Naim bin Mohd Ibrahim (KDN)
Ts. Adi Azlan bin Mohd Ali (JPA – Latihan)
Dr. Nur Azaliah binti Abu Bakar (MAMPU)
Ts. Mohamed Hairul bin Othman (JPA-Latihan)
Encik Razale bin Ibrahim (Jabatan Perangkaan)
Encik Mohd Safuan bin Elias (KPWKM)
Puan Wan Amishah binti Wan Mahmud (MAMPU)

Pemeriksa kira-kira:
Puan Mazilah binti Mohamad Amin (SWCorp)
Encik Hariadi bin Hinta (JPA)

Seminar PERJASA-Oracle: Unleashing Digital Transformation

Wan Amishah Binti Wan Mahmud
AJK PERJASA 2017-2019

Digital Transformation is no longer a question to Asia Pacific organizations. It has become a reality for all segments that are serious about staying relevant in the digital economy, including public sector. DX is a multiyear effort with specific goals and objectives, revenue growth, increase productivity and efficiency. Moreover DX involves a radical rethink of how to secure our data.

Not just about delighting customers with superior services and quality in real-time, governments agencies also need to become extremely agile and adaptable and ability to develop the right technological environment for continuous innovation.

PERJASA dengan kerjasama Oracle Malaysia telah mengadakan satu Seminar yang bertajuk Unleashing Digital Transformation. Objektif program adalah untuk berkongsi pengalaman pihak Oracle dalam perancangan dan melaksanakan transformasi digital.

Program telah dirasmikan oleh Presiden PERJASA iaitu Tuan Haji Ahmad bin Osman dan diadakan pada 22 November 2018 bermula dari 8.30 am hingga 4.00 pm, bertempat di Hotel Marriott, Putrajaya.

Seramai 104 ahli PERJASA telah menghadiri program berkenaan termasuk 8 orang wakil dari Kesatuan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Persatuan Juruteknik Komputer.

Dua (2) wakil PERJASA telah dijemput sebagai ahli Forum dan telah memberi pandangan mengenai transformasi digital dalam aspek modal insan dan ketersediaan struktur ICT Negara yang memerlukan anjakan paradigm semua pihak.

Seminar DevOps: Empowering Digital Services

Co-organized by PERJASA, KPPTM, CTSU & Microsoft Malaysia

Chua Swee Suan (Felicia),
PERJASA Secretary 2017-2019

Seminar DevOps: Empowering Digital Services has marked the first time ever successful collaborative event of The Association of Public Sector System Analysts (PERJASA), Assistant IT Officer Union (KPPTM) and Computer Technician Scheme Union (CTSU)! With the objective to upskill our members, we have invited our members and also Public Sector ICT personnel to join this seminar. Partnering as well with Microsoft Malaysia, this seminar was successfully held on 29 April 2019 at Pulse Grande Hotel Putrajaya with great support of 95 ICT personnel from various public sector agencies (75% attendance were the members of 3 association/union).

Time	Agenda
8.30am	Registration & Refreshments
9.00am	**Welcome Address** *By Encik Ahmad Osman, President, PERJASA*
9.15am	**Government Transformation Best Practice in Relation to IR4.0** *By Sherie Ng, Public Sector Lead, Microsoft APAC*
9.45am	**Microsoft DevOps Training Program** *By Christopher Lee, Business Group Lead, Cloud & Enterprise, Microsoft Malaysia*
10.15am	**Azure DevOps 101 + Case Study** *By Walter Wong, Founder of Gain Secure, Microsoft MVP*
12.00pm	Networking Lunch at Palm Hill Café
1.00pm	End of Event

Agenda of the seminar

What is DevOps?

DevOps (development and operations) is an enterprise software development phrase used to mean a type of agile relationship between development and IT operations.The DevOps ideals extend agile development practices by further streamlining the movement of software change thru the build, validate, and deploy and delivery stages, while empowering cross-functional teams with full ownership of software applications – from design thru production support.

Implementation of DevOps automation in the IT-organization is heavily dependent on tools, which are required to cover different areas of the systems development lifecycle (SDLC) such as Infrastructure as Code, Continuous Integration/ Deployment (CI/CD), Test Automation, Containerization, Orchestration, Software Deployment, Measurement and ChatOps.

Azure DevOps Bootcamps

Thus, while we had this seminar as the first step to introduce DevOps and now with Microsoft's enthusiasm to assist in our upskilling program, we are exciting to announce that there will be 3 Azure DevOps bootcamps to help accelerate your journey as DevOps practitioner coming soon in July – Sept 2019! Registration is open to PERJASA, KPPTM and CTSU members only. 50 members will be shortlisted and invited to the bootcamps and 3 commited participants will be chosen to attend 2 Microsoft Azure Developer training and certifications! Stay tuned for more update..

Pengenalan Kepada Indeks Pangkalan Data

Ts. Mohd Naim Mohd Ibrahim
Kementerian Dalam Negeri

Saya telah beberapa kali dipanggil untuk membantu menyelesaikan masalah prestasi sistem aplikasi oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, Bahagian Pinjaman Perumahan Kementerian Kewangan, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Sukarelawan (RELA) dan tempat saya berkhidmat sendiri. Kebanyakan masalah prestasi sistem yang saya temui adalah berpunca daripada masalah pangkalan data dan hampir 80% adalah berkaitan dengan indexing (okay, angka 80% tu saya main tembak je, tapi memang kebanyakkanya lah). Sebelum kita mempelajari bagaimana untuk membuat penalaan indeks (index tuning), mungkin ada baiknya kita mengenali dahulu apa itu indeks pangkalan data, kesan sekiranya tiada indeks dan apa pula natijahnya jika terlalu banyak indeks.

Mengikut Pusat Rujukan Persuratan Melayu @ DBP , indeks membawa maksud

Daftar kata penting menurut abjad berserta nombor halaman terdapatnya kata tersebut, biasanya diletakkan di bahagian akhir sesebuah buku; 2. senarai tajuk buku, nama pengarang dsb yg disusun secara sistematik pd kad di perpustakaan, faharasat, katalog;

Adakah anda pernah membaca buku ? Ya saya yakin anda tidak hanya membaca blog dan mukabuku (Facebook) sahaja, anda pastinya pernah membaca buku secara fizikal. Lazimnya buku (kecuali novel) mempunyai senarai isi kandungan di bahagian hadapan buku untuk menerangkan tajuk-tajuk utama. Itu boleh juga dianggap sebagai indeks. Indeks memudahkan kita untuk mencari tajuk yang kita ingin baca tanpa perlu membaca atau menyelak keseluruhan buku.



Dalam sesebuah buku resipi, pastinya ada banyak resipi masakan dimuatkan di dalamnya. Jika saya ingin memasak Ayam Masak Merah misalnya, saya perlu menyelak satu persatu helaian buku resipi tersebut sehingga saya jumpa Resipi Ayam Masak Merah sekiranya buku tersebut tidak mempunyai menu isi kandungan. Perbuatan menyelak satu persatu ini dalam pangkalan data dipanggil '*Full Table Scan*'. Ianya memakan masa yang lama dan sangat tidak efisian.

Sekiranya saya mempunyai pisang dan ingin menghasilkan suatu hidangan untuk minum petang, jika saya menyemak di ruangan isi kandungan sahaja, antara hidangan yang akan saya jumpa berdasarkan kata kunci 'pisang' adalah goreng pisang, pengat pisang, lepat pisang dan goreng pisang cheese. Tetapi saya pasti tertinggal cucur kodok yang juga boleh dihasilkan daripada pisang hanya kerana tiada perkataan 'pisang' dalam tajuk hidangan. Jadi untuk itu, saya perlu buat 'full table scan' semula kepada buku resipi saya untuk menyenaraikan semua hidangan yang boleh dihasilkan daripada pisang.

Alangkah mudahnya sekiranya saya mempunyai indeks hidangan berdasarkan bahan mentah. Sekiranya saya ingin memasak ayam, saya hanya perlu rujuk di indeks ini dibahagian ayam sahaja. Sekiranya saya ingin memasak hidangan yang berasaskan ikan, saya hanya perlu menyemak di ruangan ikan.

Tetapi bagaimana pula jika saya ingin melihat jenis hidangan sama ada ianya tradisional melayu, masakan cina, barat, india ataupun perancis ? Ya, mempunyai indeks jenis hidangan akan memudahkan kita mencari hidangan berdasarkan jenis atau negara asalnya seperti jadual dibawah.

Pendek kata, lebih banyak indeks, lebih mudah dan cepat carian kita, begitu jugalah dengan pangkalan data, mempunyai lebih banyak indeks, lebih mudah dan cepat carian dilakukan.

Bahan Mentah

Bahan Mentah	Masakan	Muka Surat
Ayam	Ayam Masak Merah	30
	Ayam Goreng Berempah	22
	Ayam Masak Tok	56
	Rendang Ayam	32
	Ayam Percik	12
	Ayam Bakar	64
	Sup Ayam	43
	Kari Ayam	52
Ikan	Ikan 3 Rasa	1
	Asam Pedas	6
	Ikan Bakar	65
	Rendang Ikan	32
	Laksa	65
Telur	Telur Dadar	2
	Telur Separuh Masak	9
	Kek	60

Jenis Masakan

Jenis Masakan	Masakan	Muka Surat
Tradisional Melayu	Ayam Masak Merah	34
	Asam Pedas	26
	Ayam Masak Tok	59
	Rendang Ayam	35
	Ayam Percik	15
	Ayam Bakar	67
	Rendang Ikan	46
	Laksa	55
Cina	Kek Bulan	4
	Yong Tau Foo	9
	Pau	68
	Kuetiaw Kungfu	35
	Mee Wantan	68
Barat	Spegeti	5
	Pizza	12
	Burger	63

> “Lebih banyak indeks, lebih mudah dan cepat carian kita, begitu jugalah dengan pangkalan data, mempunyai lebih banyak indeks, lebih mudah dan cepat carian dilakukan.”

Kesan Terlalu Banyak Indeks

Okay sekarang cuba bayangkan pula sekiranya kita mempunyai satu resipi yang baru yang kita ingin simpan dalam buku resipi kita. Selain daripada memasukkan resipi didalam buku, kita juga perlu mengemaskini isi kandungannya. Sekiranya saya mempunyai indeks bahan mentah, saya perlu mengemaskini indeks bahan mentah. Begitu juga dengan indeks jenis hidangan, negara asal, chef pencipta dan sebagainya.

Lebih banyak indeks, lebih leceh dan lama proses untuk memasukkan dan mengemaskini data baru. Begitulah halnya juga dengan pangkalan data, terlalu banyak indeks akan mempercepatkan carian, tetapi menyebabkan *insert* dan *update* menjadi perlahan.

Jadi bagaimana untuk membuat penalaan indeks ? Insyallah saya akan terangkan dalam edisi yang akan datang..

Apa Itu Kejuruteraan Sosial (*Social Engineering*)?

Muzamir bin Mokhtar
Kementerian Kewangan Malaysia

Kejuruteraan Sosial adalah kaedah memanipulasi psikologi serta tingkah laku manusia atau sekumpulan manusia dengan cara tertentu seperti kepercayaan dan emosi bagi membolehkan mereka memberikan maklumat sulit secara sukarela.

Contoh mudahnya, rakan sekerja kita minta kebenaran untuk akses PC sebab *Big Boss* minta hantarkan dokumen segera kepada dia. Kita pun memberikan kata laluan PC kita kepadanya. Secara automatik maklumat sulit kita sudah terdedah. Hati orang siapa yang tahu adakah rakan kita berniat baik atau sebaliknya. Kalau kata laluan itu boleh membuka akaun *online banking* kita juga? Bang! *Jackpot*!

Siapa yang popularkan istilah *social engineering*?

Kevin Mitnick ialah orang yang bertanggungjawab mempopularkan istilah Software Engineering ni melalui bukunya The Art Of Deception (2001).

Contoh kes berkaitan *social engineering*?

Berdasarkan sumber Ponemon Institute, Accenture pada tahun 2018, serangan siber yang paling banyak diterima oleh syarikat global adalah malware dan kedua sebanyak 68% adalah *Social Engineering*.

Pada tahun 2007, terdapat satu kes berlian bernilai 28 juta telah dicuri dari ABM AMRO Bank di Belgium oleh seorang lelaki dengan kaedah *Social Engineering* psikologi. Berbaik dengan staf bank dan seterusnya mengeluarkan berlian dari bilik kebal bank tersebut untuk tujuan mencuri.

Pada tahun 2013, akaun Twitter rasmi The Associated Press (AP) telah keluarkan tweet yang hampir menjatuhkan ekonomi dunia. Sekumpulan pengodam bernama Syrian Electronic Army telah mengambil alih akaun Twitter rasmi AP dan menghantar ciapan mengatakan White House di bom dan Presiden Barrack Obama cedera.
Pasaran Dow Jones terus menjunam. Kaedah ini menggunakan *Social Engineering* melalui *Phishing Email*.

Pada tahun 2016, hampir 20,000 data personel FBI dicuri melalui Department Of Justice (DOJ) US. Kaedahnya adalah godam e-mel staff DOJ, menyamar sebagai IT Helpdesk untuk akses Internal Portal. Seterusnya dapat akses kepada server berkenaan yang boleh akses server data personel FBI.

Adakah eknik social engineering perlukan *tools* yang hebat?

Teknik ini tidak memerlukan tools yang hebat, cukup sekadar seseorang pengodam itu pandai bermain emosi dan psikologi mangsa. Kira macam pandai jual minyak lah ibaratnya. Tak perlu berbelanja besar untuk menipu mangsa. Beli nombor telefon *prepaid*, pengodam menghubungi mangsa dengan samaran seterusnya mendapatkan apa yang diperlukan. Namun ia bukan boleh diperoleh dalam masa singkat jadi pengamal *Social Engineering* ni seorang yang sangat penyabar juga.

Teknik Social Engineering

1. In –Person : Contoh : Tinggalkan *Thumb Drive* di tempat terbuka di pejabat. Pasti sifat ingin tahu siapa punya dan apa didalamnya ada pada sesiapa yang jumpa. Apabila dia akses di PC Pejabat, mungkin *malware / trojan* dah ditanam dalam PC dan seterusnya maklumat sulit tersebar kepada pemilik Thumb Drive tersebut.

2. Phone : Contoh : Pemanggil hubungi Operator Telco dengan menyamar sebagai seorang isteri sedang dalam kesusahan dan perlu dapatkan akses akaun online nombor suaminya (mangsa). Buat bunyi anak menangis sebagai latar belakang untuk tunjukkan kesusahannya dan sifat kesian operator akan berikan maklumat tersebut.

3. Digital : Contoh : Daftar alamat domain yang hampiri domain popular. Domain maybank2u.com.my pada pandangan org mungkin sama dengan rnaybank2u.com.my.



Bagaimana untuk elakkan diri dari menjadi mangsa kejuruteraan sosial ?

1. Sentiasa bersifat ingin tahu dan waspada macam detektif conan;
2. Fikir panjang sebelum teruskan urusan bersifat peribadi atau sulit;
3. Kurangkan guna Free Survey dan Games di Media Sosial; dan
4. Hati-hatilah berkongsi maklumat peribadi di Media Sosial. Janganlah telanjangkan semuanya peribadi anda. Simpanlah sikit.

Bila bermulanya *Social Engineering* di Malaysia?

Cuba tengok semula filem P.Ramlee bertajuk Ali Baba Bujang tahun 1961. Sungguh bijak si Ali Baba (Aziz Sattar) menyamar sebagai wartawan untuk tagih kepercayaan secara bertanyakan pada Ketua Penyamun (P.Ramlee) untuk dapatkan kata laluan buka dan tutup pintu gua menyimpan harta rompakan si penyamun. Itu kes pertama di Malaysia agaknya.

.

Langkah Demi Langkah

Menyediakan Email Perdaya (Emails Spoofing) Menggunakan Kali Linux Distro

Nasir bin Ismail
Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

Email Spoofing

"Email spoofing is the forgery of an email header so that the message appears to have originated from someone or somewhere other than the actual source. Email spoofing is a popular tactic used in phishing and spam campaigns because people are more likely to open an email when they think it has been sent by a legitimate or familiar source. The goal of email spoofing is to get recipients to open, and possibly even respond to, a solicitation." https://searchsecurity.techtarget.com/definition/email-spoofing

Langkah 1

Mendaftar Akaun SMTP2GO Secara Percuma dan Terhad

https://www.smtp2go.com/signup-ty/#

Contoh email address account yang akan digunakan untuk mendaftar secara percuma – FREE.

Full Name : Peserta Kursus TM
Work Email : pesertakursustm@yahoo.com
Password : ridzam@$12345TM!

Activate your SMTP2GO account melalui email yang didaftarkan.

Pemeriksaan username, SMTP server port dan SMTP port number untuk kesahihah.

Contohnya:

SMTP Server: mail.smtp2go.com
Username: nasir@instun.gov.my
SMTP Port: 2525

Contoh :

Mendaftar tambahan akaun 'Mukhlis' dengan SMTP2GO – Free.



Langkah 2

Setup your SMTP Username

1. SMTP Username
2. SMTP Password

Simpan untuk rekod dan kegunaan semasa menjalankan kerja-kerja email spoofing.

SMTP Password : 9XYnGOfytN7aX8a

Pemeriksaan username, SMTP server port dan SMTP port number untuk kesahihah.

Contohnya:

SMTP Server: mail.smtp2go.com
Username: nasir@instun.gov.my
SMTP Port: 2525

Contoh :

Mendaftar tambahan akaun 'Mukhlis' dengan SMTP2GO – Free.

Langkah 3

Menggunakan The Social-Engineering Toolkit (SET) Kali Linux untuk menjalankan kerja-kerja Email Perdaya / Email Samaran (Email Spoofing).

[-] New set.config.py file generated on: 2019-05-04 00:05:48.379442
[-] Verifying configuration update...
[*] Update verified, config timestamp is: 2019-05-04 00:05:48.379442
[*] SET is using the new config, no need to



Installasi SET Toolkit – GitHUB

#cd /root
#git clone https://github.com/trustedsec/social-engineer-toolkit.git

#cd /root/social-engineer-toolkit
#pip install –r requirements.txt

Langkah 4

Langkah demi langkah untuk menjalankan kerja-kerja Spoofed Email bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran.

#setoolkit

Select from the menu:

1) Social-Engineering Attacks
2) Penetration Testing (Fast-Track)
3) Third Party Modules
4) Update the Social-Engineer Toolkit
5) Update SET configuration
6) Help, Credits, and About

99) Exit the Social-Engineer Toolkit

Select from the menu:

1) Social-Engineering Attacks

Select from the menu:

5) Mass Mailer Attack

.

Social Engineer Toolkit Mass E-Mailer

There are two options on the mass e-mailer, the first would be to send an email to one individual person. The second option will allow you to import a list and send it to as many people as you want within that list.

What do you want to do:

1. E-Mail Attack Single Email Address

set:phishing> Send email to:pesertakursustm@yahoo.com

1. Use a gmail Account for your email attack.
2. Use your own server or open relay

set:phishing>

2. Use your own server or open relay

set:phishing>2
set:phishing> From address (ex: moo@example.com):info@duit.com
set:phishing> The FROM NAME the user will see:Syarikat TULUS IKHLAS Sdn Bhd
set:phishing> Username for open-relay [blank]:nasir@instun.gov.my
Password for open-relay [blank]:
set:phishing> SMTP email server address (ex. smtp.youremailserveryouown.com):mail.smtp2go.com
set:phishing> Port number for the SMTP server [25]:2525
set:phishing> Flag this message/s as high priority? [yes|no]:yes
Do you want to attach a file - [y/n]: n
set:phishing> Email subject:Email Promosi Merdeka 2019
set:phishing> Send the message as html or plain? 'h' or 'p' [p]:h
[!] IMPORTANT: When finished, type END (all capital) then hit {return} on a new line.
set:phishing> Enter the body of the message, type END (capitals) when finished:Promosi Merdeka 2019 - Gadget Terkini
Next line of the body: END
[*] SET has finished sending the emails

Press <return> to continue

Langkah 5

Memeriksa DOMAIN yang hanya sah (valid) tersedia bagi digunakan sebagai pengantara.
https://instantdomainsearch.com/#search=dunia

Contohnya Domain Name yang boleh digunakan:
dunia.com, hayat.com, hayat.app, duit.com, duit.my

Langkah 6

Pemeriksaan Email Perdaya / Email Samaran / Email Palsu yang digunakan telah diterima oleh penerima didalam peti email mangsa masing-masing.
Contohnya : MS Exchange Server

Received: from INSTUN-MBX-01.instun.gov.my (10.137.81.72) by
INSTUN-MBX-01.instun.gov.my (10.137.81.72) with Microsoft SMTP Server (TLS)
id 15.0.712.22 via Mailbox Transport; Fri, 3 May 2019 15:34:39 +0800
Received: from mail.instun.gov.my (10.137.81.62) by
INSTUN-MBX-01.instun.gov.my (10.137.81.72) with Microsoft SMTP Server id
15.0.712.22; Fri, 3 May 2019 15:34:32 +0800
Authentication-Results: mail.instun.gov.my
header.from=tulus@kita.com; domainkeys=neutral (no sig)
Authentication-Results: mail.instun.gov.my
header.from=tulus; dkim=pass (Success)
Received: from a2i809.smtp2go.com (a2i809.smtp2go.com [103.47.207.41])

Langkah 6a

Contoh percubaan menyediakan Spoofed Email dengan menggunakan Domain: hayat.app kepada akaun pesertakursustm@yahoo.com

.

X-Apparently-To: pesertakursustm@yahoo.com; Fri, 03 May 2019 07:45:23 +0000
Return-Path: <kita@hayat.app>
Received-SPF: none (domain of hayat.app does not designate permitted sender hosts)
X-YMailISG: VJzIUK0WLDuYVxj3Yaa1i.gwS3pLTwVG9ug7Env1JPMRsbyT
bsCV.Csk0PvEWE5KwBab33QTZEfumB7kc_dzoZsPV.YPTREagr9S0vb_utbJ
GfYNClYqvOKTABoFsH3JA1CbV46gIi91Xqs_uNy995OVg3C62sbR3xB1gVLL

9UwFvj009yb5FH5SlT8jO4EFansMyNGCyFdZVvZ9matd1W9Vb90_R1F.GNY0
2HPMzgQcSRJKw0wnoqczUiQLlANkzQrMUSRscRqIZkwq7gNrLbJykss5Oveu
MbdTFbkftd_.4n9VDpTrKxN6Spp8uk4FrLy7PVLR2qqXTQ8sw7odlIlHJI1n
fo9y3XZkwmiu_1qqgnsIDf0KRwzAly4kwagK2Z1altdON.K7fJjQc5lcN0mB
R4Dr6IJtaOd9euLtUY0iLg4RLo42CNziuPnIyRXZ4glshKPfdpapSKPNbpf.
P75KnPnBFlhGk69uaTg8nXUKjoiYLdCgxXKeLNSfFolfIAZVjR5ctQxv.2bN
BaWW7XUdH6ljrHRrjQt8gG8tkBP.2fFX6VaUCJLYmGgnHcbtPeluxNpqxoxJ
w29r5t3jaGRaC.k0kLLYLJPH1SUbKH2584cLThNrclfvW01zHyidqicsY1wl
a2NtVzxV9uFsLqIBXlyvFKoi8Q19jTMRmkz8gl39J1Y.XHOE1CAfY1saDZPP
0MfJzh39pHx5GySCWyDj7pnpVhPKmb5bKi7DpdIF9vtkkMIl6IVQrCKmwAiR
9ispwSCiDiCpZpYXptXfO7VcSDiwNKTCvpUu6foYA2HxtNzVTktXw0f12F56
0Rwy.93i6is6obmeJ2V5t0ukcp5bnAMtIZLQ.eVmqGy_o7N6HT4fO8asXGxw
6aYSP0e.Yvapx845VOQw7JDClLzRzrjs9BmNw7aCLZUC.w6m2Htei1M35dEQ
8qqsF6RlhfUciVGqCtnPqpz8g3bjwhzNlSD87Ira98ecF.aLPJYyBtcaiE.Q
hM6toBuYNHwLSZs26R9jXVZWsXcEJ4c-
X-Originating-IP: [103.47.207.41]
Authentication-Results: mta4406.mail.gq1.yahoo.com
header.i=@smtpservice.net; header.s=me4k30.a1-4.dyn; dkim=pass (ok)
Received: from 10.253.33.220 (EHLO a2i809.smtp2go.com) (103.47.207.41)
by mta4406.mail.gq1.yahoo.com with SMTPS; Fri, 03 May 2019 07:45:22 +0000
DKIM-Signature: v=1; a=rsa-sha256; q=dns/txt; c=relaxed/relaxed;
d=smtpservice.net; s=me4k30.a1-4.dyn; x=1556870422; h=Feedback-ID:
X-Smtpcorp-Track:Date:Message-Id:Subject:To:From:Reply-To:Sender:
List-Unsubscribe;
bh=Oa8BqlRUITr1bn74jiX3TeGxkr/RKfIuNfQBPPJu2FA=; b=TngRZqIc
7Eim6SoU0XLyveYGoPUQSdecrzgePCg2YRO16GzFHNTA1LycNSwm85heorUtGj6nUu8pYgDW0z5yL
NxFaJZ09HReczKY4B3wKkHVbaeHPSH7yGLhU2aMUkoF3AhRKBtaBypwocGCfAPLNTQ3rmmvW8hJkl
hMpvURgy/LCgzPrRwGcvGb+eR/Q75saZ913H4a/fdVyef32YocrfQVWhrOyY9TAvZDcSevbzJ29Wo
yn1MptCRIqLob3/EtKbenud2re6kfDXr7wfi/5GSj70h2lU9FpB8aIDKaw93e7WhkGuGF2ShSwzl9
8y8ill+c0WkFCkYMDkeeb6/8fw==;
Received: from [10.139.162.187] (helo=SmtpCorp)
by smtpcorp.com with esmtpsa (TLS1.2:ECDHE_RSA_AES_256_GCM_SHA384:256)
(Exim 4.91)
(envelope-from <kita@hayat.app>)
id 1hMSsj-SH4fR3-UL
for pesertakursustm@yahoo.com; Fri, 03 May 2019 07:45:21 +0000
Received: from [10.202.60.56] (helo=[10.127.0.1])
by smtpcorp.com with esmtpsa (TLS1.2:ECDHE_RSA_AES_256_GCM_SHA384:256)
(Exim 4.91)
(envelope-from <kita@hayat.app>)
id 1hMSsi-4XaA9W-DB
for pesertakursustm@yahoo.com; Fri, 03 May 2019 07:45:20 +0000
Content-Type: multipart/mixed; boundary="===============4773641122462292029==“

Received-SPF: temperror (google.com: error in processing during lookup of guest@duit.my: DNS error) client-ip=103.47.207.41;
Authentication-Results: mx.google.com;

Langkah 7

Memeriksa sumber asal dan alamat email penghantar menggunakan beberapa laman web percuma.

https://infotracer.com

Uncover Hidden Information About Email Address

Domain: dunia.com

- Data Breaches: CLICK HERE
- IP Address: 74.125.141.27
- Social Profiles: CLICK HERE
- Email Service Provider: Google
- Report Update: 05/04/2019
- Full Report: CLICK HERE

Selamat mencuba bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan menambah kefahaman sediada. Wallahualam.

Perkongsian maklumat Geospatial Melalui Platform Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS)

Nor Hayati Binti Abdullah
Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI)



Aplikasi MIDA GIS

Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara / Malaysian Centre for Geospatial Data Infrastucture (MaCGDI), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) telah dipertanggungjawabkan dalam mengurus Program MyGDI. MyGDI merupakan program nasional inisiatif kerajaan bagi menyediakan infrastruktur perkongsian maklumat geospatial ke arah meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kegunaan data/maklumat geospatial dalam pembangunan negara. Melalui program MyGDI, MaCGDI telah mengambil inisiatif dalam membangunkan Geospatial Data Centre (GDC) bagi perkongsian data dan pelbagai aplikasi GIS.

Artikel ini akan menerangkan perkongsian maklumat geospatial melalui platform MyGOS yang berkonsepkan perkongsian map servis collect once use by many. Pengemaskinian data boleh dibuat secara atas talian dalam persekitaran yang selamat.

Pengenalan Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS)

Portal Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS) www.mygeoportal.gov.my/mygos merupakan satu platform perkongsian maklumat geospatial bagi Agensi Kerajaan secara atas talian yang membolehkan perkongsian maklumat dilakukan tanpa perpindahan data secara fizikal dalam persekitaran selamat.

Tujuan utama dibangunkan adalah :

- Platform perkongsian dan penggunaan maklumat geospatial antara sektor awam secara atas talian dalam persekitaran yang selamat.
- Membolehkan pengguna yang tiada pengetahuan Geospatial Information System (GIS) menggunakan maklumat geospatial dengan mudah tanpa memerlukan perisian Desktop GIS.
- Untuk membantu agensi kerajaan yang tiada kemudahan infrastruktur seperti perisian dan perkakasan GIS.
- Penjimatan kos perolehan perkakasan dan perisian GIS oleh agensi-agensi yang ingin membangunkan projek GIS.
- Penjimatan kos pembangunan aplikasi GIS.
- Penjimatan kos pengutipan data-data yang diperlukan dalam sesuatu projek pembangunan aplikasi.

Kelebihan Fungsi-fungsi dalam MyGOS

Pengurusan Dokumen



Pengguna boleh menguruskan dokumen terhad, sulit atau umum secara tersusun dengan menggunakan fungsi 'My Content'. Format dokumen yang boleh dimasukkan adalah seperti .pdf, .jpg dan lain - lain. Dengan fungsi ini, pengguna boleh berkongsi dokumen secara atas talian dan selamat

Web Map



Memudahkan pengguna untuk membuat pemetaan dengan pantas secara atas talian. Pengguna turut boleh merekabentuk peta tersebut dengan kreativiti dan penampilan yang menarik seperti menukar saiz / icon symbology, membuat labels dan lain - lain

Pembangunan Aplikasi GIS



Pengguna yang tidak mempunyai latarbelakang GIS boleh membangunkan aplikasi GIS dengan cara yang mudah dimana terdapat pelbagai widget mengikut kesesuaian

Perkongsian Maklumat



Maklumat yang hendak dikongsi boleh ditentukan menggunakan fungsi groups.

Storymap

Pengguna dapat membangunkan storymap dengan membuat penceritaan mengenai sesuatu kronologi kejadian atau tempat / lokasi yang menarik. Storymap ini adalah paparan interaktif yang mempunyai peta serta maklumat asas mengenai penceritaan

Mencerap maklumat geospatial



Pengguna boleh mencerap maklumat geospatial melalui smartphones secara offline atau online dengan mengunakan fungsi 'Collector for ArcGIS

Dashboard



Pengguna dapat memaparkan hasil analisis yang interaktif untuk dibentangkan kepada pengurusan atasan.

Kolaborasi Bersama Agensi Kerajaan

MaCGDI telah mula berkolaborasi dengan pelbagai Agensi Kerajaan melalui platform MyGOS sejak tahun 2013. Bagi kolaborasi ini, terlebih dahulu agensi perlu melalui proses khidmat runding bagi mengenalpasti keperluan agensi tersebut. Setelah persetujuan dicapai, proses seterusnya adalah menyediakan Dokumen Permulaan Projek bagi menentukan skop aplikasi dan data-data GIS yang diperlukan bagi pembangunan aplikasi. Skop membangunkan aplikasi dan data perlu disahkan oleh Pengurusan Atasan. Agensi akan diberi userid selepas penyerahan system bagi capaian kepada aplikasi MyGOS bagi tujuan persekitaran yang selamat.

Ini merupakan salah satu inisiatif dari MaCGDI dalam program transformasi awam untuk merealisasikan pelaksanaan dan perkongsian maklumat geospatial secara kolaborasi strategik. Sehingga kini, terdapat tujuh puluh lima (75) Agensi Kerajaan yang telah menggunakan perkhidmatan MyGOS dalam Pembangunan dan Pelaksanaan GIS di Agensi masing-masing. Jadual 1 menunjukkan status terkini maklumat projek Agensi Kerajaan yang telah menggunakan perkhidmatan MyGOS secara aktif

Melalui perkhidmatan MyGOS, Agensi telah dapat mengemaskini dan mengakses maklumat geospatial secara atas talian dan real – time serta membantu dalam membuat keputusan, merangka strategi serta menganalisis maklumat dengan cepat dan tepat. Perkongsian maklumat geospatial adalah gabungan strategik yang membawa faedah sinergi kepada semua agensi yang terlibat. Ini membolehkan integrasi data dilakukan untuk manfaat semua dan bukan terhad kepada kepentingan sesuatu agensi sahaja.

Jabatan/Agensi	Maklumat Projek
Kementerian Pendidikan Tinggi	Projek Pemetaan IPTA, IPTS
Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)	Projek Maklumat Geospatial Luar Bandar
Kementerian Kerja Raya	MyRoad-Pedia
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)	Projek Maklumat Geospatial Loji Rawatan Air dan Empangan
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia	Projek GIS APM
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	Projek Maklumat Geospatial APMM
NADI, ICU	Projek Pemetaan Sekolah Dhaif
Pusat Zakat Melaka	Projek Pemetaan Lokasi Prospek Zakat Melaka
Pusat Hidrografi Nasional	Projek Maklumat Geospatial Marin SDI
Lembaga Getah Malaysia	Projek Maklumat Geospatial Ladang Getah
Halal Industry Development Corporation	Projek Pemetaan Halal Hab dan Restoran Halal
Jabatan Kerja Raya Malaysia Caw. Senggara Fasiliti Jalan	Projek Monitoring Potholes
Jabatan Kerja Raya Malaysia Caw. Kejuteraan Geoteknik	Projek Monitoring Boreholes
Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta	Lokasi Rumah Mampu Milik
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	Projek Lokasi Industri Estate
Lembaga Kemajuan wilayah Kedah (KEDA)	Projek GIS KEDA
Jabatan Perkhidmatan Awam	PesaraFindMe (Lokasi Pesara)
Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia	Lokasi Produk Kraftangan
Jabatan Warisan Negara	Lokasi tapak warisan dan warisan Kebangsaan
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)	Lokasi Stesen Minyak, Pasaraya ,
Majlis Bandaraya Alor Setar	Pemantauan Lokasi Pembayaran Cukai Pintu

Pembangunan Aplikasi GIS di Agensi melalui platform MyGOS



Storymap Lokasi Usahawan Kraf



Storymap Lokasi Usahawan Kraf



Veterinary Online Mapping (VENOM)

Penjimatan Kos Kerajaan

Setiap agensi yang ingin membangunkan aplikasi dan memproses data GIS memerlukan kos perolehan yang tinggi seperti kos perkakasan, kos perisian dan sumber manusia. Bagi penggunaan MyGOS agensi hanya perlu berkolaborasi dengan MaCGDI dan tidak lagi perlu membuat perolehan yang mana menjimatkan kos kerajaan. Jadual 1 dan jadual 2 menunjukkan anggaran kos yang terlibat sekiranya Agensi ingin membangunkan projek GIS.

Activities	Frequency (kali setahun)	Cost/ Business (kos 1 agensi)	# of businesses (bil. Agensi)	Total (RM)
Perkakasan				
Application Server – MyGOS	-	30,000	8	240,000
Database server	-	35,000	8	280,000
Map service server - Federated MyGOS	-	40,000	8	320,000
Perisian				
ArcGIS Server Enterprise Advance 10.4 (4 core)	-	320,000	8	2,560,000
ArcGIS Desktop 10.5.1 Advance	-	120,000	8	960,000
Microsoft SQL Server Enterprise 2012	-	40,000	8	320,000
MyGOS				
Named User (3*RM5000)	-	15,000	8	120,000
	JUMLAH	600,000		4,800,000

Kos Perolehan Infrastruktur ICT oleh Agensi Secara *Outsource*

Activities	Hours needed	Cost per hour	Frequency (kali setahun)	Cost/ Business (kos 1 agensi)	# of businesses	Total (RM)
Kajian Keperluan Pengguna	240	60	1	14,400.00	8	115,200.00
Pemprosesan data	160	20	1	3,200.00	8	25,600.00
Pembangunan Aplikasi	640	80	1	51,200.00	8	409,600.00
Latihan	64	80	1	5,120.00	8	40,960.00
Pengujian (UAT, FAT & Stress Test)	120	60	1	7,200.00	8	57,600.00
Dokumentasi (URS, SRS, Manual, Laporan Pengujian)	160	60	1	9,600.00	8	76,800.00
Serahan	8	20	1	160.00	8	1,280.00
			JUMLAH	90,880.00		727,040.00

Kos Pembangunan Aplikasi yang Dibangunkan oleh Agensi Secara *Outsource*

Anggaran kos penjimatan hasil tidak dituntut bagi tahun 2014 hingga Mac 2019

mygos bersama KPDNHEP

Penutup

Impak dari projek kolaborasi ini adalah penjimatan kos kepada Kerajaan dimana Agensi hanya menggunakan infra yang dibekalkan oleh MaCGDI. Melalui penggunaan platform MyGOS, Agensi boleh membuat perkongsian data, menganalisa data secara spatial, tambah nilai data dari pelbagai Agensi serta dapat merancang dan membuat keputusan dengan cepat dan tepat.

Lawatan Inspektorat MyGOS ke Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)

Bengkel keperluan pengguna bersama Jabatan Warisan Negara

Hala Tuju Komuniti Sumber Terbuka Sektor Awam

Khairul Ashraf bin Basul Hak
Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

Perisian sumber terbuka boleh ditakrifkan sebagai perisian yang mana kod sumbernya didedahkan kepada umum, dibenarkan untuk diubah, dikongsi dan diedarkan semula. Perisian ini biasanya dibangunkan dan disenggara oleh para penggiat dari kalangan individu atau organisasi yang dikenali sebagai komuniti sumber terbuka. Kebiasaannya pembangunan dan perubahan pada perisian ini adalah lebih pantas kerana melibatkan sumbangan dan kolaborasi banyak pihak.

Berbeza dengan perisian sumber tertutup atau proprietary, perisian jenis ini dimiliki oleh syarikat pengeluar yang melindungi hak cipta perisiannya, berorientasikan keuntungan dan disokong oleh kepakaran dalaman syarikat berkenaan. Pembangunan dan perubahan perisian proprietary biasanya lebih perlahan kerana melibatkan sumber dalaman yang mungkin terbatas dan wajib melalui siri jaminan kualiti sebelum diedarkan kepada pengguna umum.

Tidak kurang juga syarikat pembangun perisian yang menerajui produk perisian secara sumber terbuka kerana melihat kepada beberapa kelebihan utama iaitu sumber tenaga pengaturcara ramai dari kalangan komuniti dengan kos yang minima di samping tempoh pembangunan dan perubahan yang pantas. Produk seperti ini apabila telah matang akan diedarkan sebagai versi sumber terbuka dan syarikat pengasasnya mungkin menawarkan perkhidmatan sokongan berbayar dengan perisian pelengkap lain sebagai nilai tambah.

Kelebihan Komuniti Sumber Terbuka

Terlibat dalam komuniti sumber terbuka memberikan banyak kelebihan. Kelebihan yang paling ketara ialah peluang meningkatkan keupayaan dan kemahiran dalam teknologi berasaskan sumber terbuka.

. Teknologi baru yang diperkenalkan memerlukan sokongan daripada komuniti untuk membuat penilaian berterusan dan bersama-sama menyumbang dalam mengemaskini kekurangan atau pepijat yang ada. Kemahiran yang berbeza diperlukan dan individu yang memiliki kemahiran ini boleh mengaplikasikannya secara bebas dalam projek sumber terbuka.

Walaupun komuniti sumber terbuka kebiasaannya bekerja secara sukarela, manfaat yang diperolehi ialah kredibiliti penggiat komuniti akan meningkat apabila tersenarai dalam pasukan pembangunan produk-produk yang akhirnya digunakan di seluruh dunia. Ini merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada kepakaran yang dimiliki dan akan menjadi aset kepada kemajuan kerjaya pada masa akan datang.

Selain itu, komuniti yang aktif dalam pembangunan dan pengemaskinian versi perisian sumber terbuka akan bebas untuk memasarkan perkhidmatan mereka kepada pengguna yang telah pun menggunapakai produk dan perisian berkenaan. Kelebihan ini lebih ketara apabila produk yang dibangunkan semakin matang dan semakin mendapat tempat dalam pasaran. Lebih daripada itu, produk berkenaan juga boleh dibangunkan secara berasingan dengan membentuk komuniti lain dengan hala tuju dan perancangan yang berbeza sehingga seterusnya memperkayakan pasaran dengan pilihan produk yang pelbagai.

Komuniti Sektor Awam

Melihat kepada kelebihan pembangunan perisian berasaskan sumber terbuka, timbul persoalan kepada kita iaitu bagaimana konsep sedemikian dapat diaplikasikan dalam pembangunan sistem aplikasi sektor awam. Berdasarkan realiti hari ini, setiap agensi menggunakan banyak sumber dari sudut tenaga kerja, masa dan kewangan dalam membangunan sesebuah aplikasi dalaman. Agensi pusat seperti MAMPU dan JPA dilihat semakin aktif membangunkan perisian generik yang boleh digunakan secara guna sama seperti aplikasi MyMesyuarat, DDMS, HRMIS dan lain-lain. Namun pembangunan secara berasingan ini memakan masa yang panjang di samping kos yang tinggi apabila melibatkan banyak tenaga kerja dalaman dan konsultasi pihak luar.

Adalah menjadi satu pencapaian yang besar kepada kakitangan awam jika pendekatan pembangunan sistem aplikasi dapat direvolusikan dengan menggembleng kepakaran dalaman yang ada dalam perkhidmatan awam merentas tanggungjawab hakiki kepada agensi masing-masing sebagai satu komuniti. Ini akan lebih bermakna jika impaknya kelak menjimatkan banyak sumber seperti masa dan kewangan serta dalam masa yang sama meningkatkan kepakaran dan keupayaan teknikal kakitangan awam. MAMPU sejak tahun 2004 telah memperkenalkan Pelan Induk Perisian Sumber Terbuka Sektor Awam dan sehingga kini usaha menggiatkan penggunaan perisian sumber terbuka ini diteruskan dalam Program Pembangunan Perisian Sumber Terbuka dan Kapabiliti Sektor Awam (OSDeC) melalui siri latihan, perkhidmatan coaching dan penyediaan prasarana.

Namun demikian, perkara yang lebih penting untuk membangunkan komuniti sumber terbuka sektor awam ialah tah dan kepakaran yang dimiliki ol awam umumnya dan khusus daripada skim perkhidmata maklumat. Sejauh mana k mencapai tahap yang boleh dige pendekatan kolaborasi dalam aplikasi dengan konsep kom terbuka.

Lebih daripada itu, apakah model pembangunan yang paling sesuai untuk diterapkan bagi memastikan pendekatan ini benar-benar mencapai hasrat yang diinginkan iaitu menghasilkan produk sistem aplikasi sumber terbuka yang matang. Dalam masa yang sama juga, pendekatan ini perlu mengekalkan prinsip sumber terbuka dari sudut keterbukaan kod sumber, kolaborasi komuniti dalam pembangunan serta jaminan kualiti, kebebasan untuk pembangunan berasingan dan pengemaskinian produk yang lebih pantas.

Peranan Ahli Komuniti

Komuniti yang kukuh memerlukan komitmen yang padu daripada ahlinya. Komuniti sumber terbuka sektor awam memerlukan peneraju yang mampu memberikan hala tuju yang jelas. Model tadbir urus komuniti seperti yang digariskan oleh The Linux Foundation melibatkan beberapa peranan penting seperti peneraju, penyelenggara, pelaksana, penyumbang dan pengguna.

Peneraju memainkan peranan dalam membuat keputusan akhir terhadap hasil, aktiviti dan hala tuju keseluruhan projek, manakala penyelenggara akan bertanggungjawab dalam pengagihan skop kerja di samping mengawal selia setiap komponen projek. Pelaksana pula adalah ahli yang memberikan komitmen dan tanggungjawab terhadap setiap tugasan projek manakala

Kita ingin melihat tadbir urus seperti ini mampu direalisasikan dalam komuniti sumber terbuka sektor awam dalam masa terdekat. Di sinilah peranan dan tanggungjawab daripada semua amat diperlukan untuk sama-sama membentuk komuniti dalam sektor awam yang boleh membentuk perspektif baharu terhadap keupayaan kakitangan awam, khususnya pegawai daripada skim teknologi maklumat.

Tiba masanya komuniti sektor awam diarusperdanakan dalam perkhidmatan awam dengan melibatkan kepakaran dari pelbagai bidang. Walaupun pendekatan komuniti sumber terbuka ini diterajui dengan fokus kepada pembangunan perisian, namun selaras dengan hala tuju pendigitalan sektor awam, komuniti ini memerlukan sumbangan daripada lebih daripada sekadar komuniti teknologi maklumat.

Sesebuah produk perisian yang matang memerlukan bukan hanya kod sumber yang bebas pepijat, tetapi memerlukan dokumentasi yang komprehensif, panduan pengguna, pelan pengurusan perubahan, siri-siri latihan dan selanjutnya input berterusan demi menjamin kelestarian produk berkenaan. Banyak aspek bukan teknikal boleh disumbangkan oleh ahli komuniti yang bukan daripada bidang teknikal.

Selain daripada pihak yang terlibat dalam pembangunan sesebuah aplikasi, jangan dilupakan bahawa golongan yang paling terkesan ialah pengguna aplikasi itu sendiri. Semua pengguna aplikasi sumber terbuka juga boleh turut menyumbang secara aktif sebagai ahli komuniti dalam memberikan maklumbalas dan seterusnya mungkin menentukan kelangsungan produk berkenaan sama ada akan terus berkembang dan lestari atau ditinggalkan kerana ketidakupayaan produk memenuhi jangkaan keperluan pengguna yang seiring dengan perubahan teknologi.

Program Pengurusan Perubahan @osdec @MAMPUJPM : Bengkel Bersama Komuniti Sumber Terbuka Bilangan 1 Tahun 2019 - Sesi Bergambar Bersama YBrs Encik Jaafar Ahmad, Pengarah Bahagian Pembangunan Aplikasi, MAMPU | Klana Beach Resort Port Dickson, Negeri Sembilan | 29 - 30 Januari 2019

A Framework for ICT Security Policy Compliance

Ts. Dr. Mohd Farizul Mat Ghani
Ministry of Education Malaysia

Najwa Hanis Abdul Samat
Department of Statistics Malaysia

ABSTRACT

Many organisations are beginning to realise the need to protect their IT assets both from accidental disasters and malicious or intentional attacks. ICT Security is a fundamental requirement. How organisations safeguard and protect their assets depends on the availability of resources and decision-making capability. The ICT Security Policy was established to ensure the smooth running of the organization and also to minimize the impact of ICT security incidents. In this study, four renowned Local Authorities (LAs) in Malaysia were the choosen in answering the research questions. Two modes of data collection were adopted in this study; interview and survey. Five major constructs of ICT Security Policy Framework (ISPF) unique to LAs were identified during preliminary investigation. The result provides valuable information on ISPF practices in establishing the components of the ISPF. A proposed ISPF specific for LAs was designed. Then a survey was conducted to investigate IT personnel perceptions on the existing ICT Security Policy practices at the various LAs. The result of the study contributes to the understanding of the status and LAs practices of ICT Security Policy in Malaysian government sector

INTRODUCTION

The rapid development of Information Technology in this country proves how fortunate our generation nowadays. As a result, we have a world without boudaries. Information, Communication and Technology (ICT) does not only serve as a communication agent, it also acts as a bridge for user to benefit as part of the routine and the necessities of life.

The security of ICT is closely related to ICT assets and information protection. This is because the hardware equipment and software components that are part of the ICT assets in government organisations are large investments and need to be protected. In addition, the information stored in the ICT system is valuable because a lot of resources are required to produce it and the information will be difficult to be re-generated in a short period of time. The demography within LAs in Malaysia took an evolutionary change since the introduction of Information Technology (IT) in Malaysian government sector.The significant achievement of IT in Malaysia can be traced from the early nineties after various adjustments of regulatory and commercial policies, both macroeconomic and within IT's converging sectors (Hancock, 2000). In pace with such adaptation, local authority in Malaysia are increasingly utilizing IT in all aspects of its organizational functions.

